

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2023/2024**

NAMA KURSUS	:	ATURCARA KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS	:	BBB 40302
KOD PROGRAM	:	BBB
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JULAI 2024
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB SEMUA SOALAN</li><li>2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DILAKSANAKAN SECARA<input type="checkbox"/> Buka buku<input checked="" type="checkbox"/> Tutup buku</li><li>3. PELAJAR <b>TIDAK</b> DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.</li></ol>

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGSI ENAM (6) MUKA SURAT

**SULIT**

**TERBUKA**

- S1**
- (a) Berikan definisi tawaran dan nyatakan pihak yang terlibat semasa proses tawaran.  
(4 markah)
- (b) Huraikan proses pertandingan di antara pemberong berdasarkan Kod Peraturan Pemilihan.  
(4 markah)
- (c) Tawaran Y merupakan tawaran yang terbuka kepada semua pemberong yang termasuk dalam kategori yang telah dinyatakan dalam notis tawaran. Huraikan dua (2) kebaikan dan dua (2) kekurangan jenis tawaran ini.  
(8 markah)
- (d) Selepas pemberong memasuki tawaran, terdapat syarat-syarat yang termaktub dalam dokumen tawaran perlu dipatuhi. Bincangkan syarat-syarat tawaran tersebut.  
(9 markah)
- S2**
- (a) Sistem kepala menjurus kepada pengkhususan sesuatu jenis kerja dalam pembinaan. Nyatakan butiran kerja bagi jenis kepala berikut:
- (i) Kepala I Sub Kepala 8  
(ii) Kepala II Sub Kepala 1  
(iii) Kepala IV Sub Kepala 3  
(3 markah)
- (b) Bincangkan Lembaga Pemilihan Tawaran bagi jenis projek persekutuan di dalam negeri Johor.  
(4 markah)
- (c) Pihak kontraktor tidak dibenarkan memulakan kerja jika tidak membuat jaminan insurans. Huraikan jaminan insurans yang terlibat semasa proses penerimaan tawaran dan nyatakan bentuk-bentuk perlindungan di dalam pembinaan.  
(8 markah)

**TERBUKA**

(d) Berdasarkan sebut harga pada **Rajah S2 (d)**, nyatakan:

- (i) jenis iklan tawaran
- (ii) jenis dan tempat kerja
- (iii) kelas dan kepala kerja
- (iv) tarikh tutup notis tawaran

 <b>MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN</b> <b>KENYATAAN TAWARAN</b> <b>SEBUT HARGA</b>																								
<p>1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang beralmarai di dalam Negeri Kelantan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>BUTIRAN SEBUT HARGA</th> <th>GRED, KATEGORI &amp; PENGKHUSUSAN</th> <th>TARIKH MULA TAWARAN</th> <th>TARIKH TUTUP SEBUT HARGA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>No. Sebut Harga : MAIK 08/2023 Cadangan Menyelenggara Dan Membaikpulih Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran (MAIK), Pendek</td> <td>Gred G2 Kategori B &amp; CE Pengkhususan B04 &amp; CE21</td> <td>29/01/2023</td> <td>06/02/2023 12.00 Tengah Hari</td> </tr> </tbody> </table> <p>2. Kontraktor-kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri satu lawatan tapak yang akan diadakan pada 29 Januari 2023 (Ahad), jam 10.00 pagi bertempat di Masjid Mukim Kamil Hassan, Kg. Chabang 3, Pendek, 15000 Kota Bharu. Sebarang perlanyaan bolehlah menghubungi Pegawai Teknikal, En. Naziman Bin Abdul Talib di laian 014-2907766.</p> <p>3. Lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan individu lain selain daripada penama yang dibenarkan.</p> <p>4. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga RM50.00 senaskah pada 29 Januari 2023 mulai jam 2.00 petang di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan pada waktu sebagaimana berikut :-</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td>Ahad – Rabu</td> <td>:</td> <td>Jam 8.00 Paggi</td> <td>-</td> <td>4.30 Pelang</td> </tr> <tr> <td>Khamis</td> <td>:</td> <td>Jam 8.00 Paggi</td> <td>-</td> <td>3.00 Pelang</td> </tr> </table> <p>5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis Nombor Sebut harga, Nama Sebut Harga dan Tarikh Tutup serta dimasukkan ke dalam Pele Sebut Harga sebelum jam 12.00 tengahhari pada 06 Februari 2023 (Isnin) di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra 15200 Kota Bharu, Kelantan.</p> <p>6. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewalan atau kehilangan mana-mana jawaran yang dikemukakan serta tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah.</p>					BIL	BUTIRAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH MULA TAWARAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	1.	No. Sebut Harga : MAIK 08/2023 Cadangan Menyelenggara Dan Membaikpulih Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran (MAIK), Pendek	Gred G2 Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21	29/01/2023	06/02/2023 12.00 Tengah Hari	Ahad – Rabu	:	Jam 8.00 Paggi	-	4.30 Pelang	Khamis	:	Jam 8.00 Paggi	-	3.00 Pelang
BIL	BUTIRAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH MULA TAWARAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA																				
1.	No. Sebut Harga : MAIK 08/2023 Cadangan Menyelenggara Dan Membaikpulih Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran (MAIK), Pendek	Gred G2 Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21	29/01/2023	06/02/2023 12.00 Tengah Hari																				
Ahad – Rabu	:	Jam 8.00 Paggi	-	4.30 Pelang																				
Khamis	:	Jam 8.00 Paggi	-	3.00 Pelang																				

**Rajah S2 (d)**

(4 markah)

**TERBUKA**

- (e) Berdasarkan **Rajah S2 (d)**, terangkan syarat-syarat bagi kontraktor yang mempunyai pengiktrifan Bumiputera berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 1974.

(6 markah)

- S3** (a) Nyatakan dengan jelas tujuan kontrak kejuruteraan awam.

(2 markah)

- (b) Jelaskan prinsip-prinsip kontrak mengikut Akta Kontrak 1950 (pindaan 1974) seperti berikut:

- (i) Penerimaan  
(ii) Persetujuan yang sah dari segi undang-undang

(4 markah)

- (c) Kontrak Z biasa digunakan jika masa tidak mencukupi bagi menyediakan dokumen-dokumen lain. Kadang-kadang kontrak ini juga bersesuaian dengan kerja-kerja penyelenggaran bangunan. Bincangkan mengenai kontrak Z.

(6 markah)

- (d) Berdasarkan **Jadual S3 (d)**, huraikan perkara berikut:

- (i) Maksud Wang Kos Prima + Peratus Yuran  
(ii) Kirakan kos projek

**Jadual S3 (d)**

Kos Buruh Tambah 28%	RM 465000
Kos Bahan Tambah 12%	RM 966000
Kos Kerja Sub Kontraktor Tambah 5%	RM 312000
Kos Alat Jentera Tambah 5%	RM 274000

(7 markah)


- S4** (a) Merujuk kepada Fasal 31, terangkan pernyataan polisi-polisi dibawah Undang Pampasan Pekerja.

(4 markah)

- (b) Berdasarkan Fasal 35, jelaskan sebab-sebab yang membolehkan Sijil Lanjutan Masa dapat dikeluarkan oleh pegawai penguasa.

(4 markah)

- S5** (a) Berdasarkan **Rajah S5(a)**, dapatkan kos bangunan kedai cadangan dengan menggunakan kaedah keluasan lantai. Andaikan kadar harga bagi semeter persegi adalah RM 300.00.

**Rajah S5 (a)**

(9 markah)

- (b) Andaikan anda seorang juruteknik pembinaan di sebuah syarikat pembinaan. Anda dikehendaki membuat kiraan kadar harga bagi 1 meter padu konkrit. Andaikan konkrit (1:2:4 – 20 mm batu baur) digaul dengan tenaga tangan. **Jadual S5 (b)** menunjukkan maklumat-maklumat penting dalam membuat analisis kadar harga.

**Jadual S5 (b)**

1 meter padu simen bersamaan	28.4 kampit
Harga sekampit simen	RM 9.00
Harga 1 meter padu pasir	RM 16.00
Harga 1 meter padu batu baur	RM 25.00
Upah buruh per hari	RM 20.00
Peratus kadar keuntungan	10%
Angkatap buruh untuk menggaul konkrit	2.5 jam/ meter <sup>3</sup>

(14 markah)

**-SOALAN TAMAT-**